

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI BERLAKUNYA KEMALANGAN  
DALAM KALANGAN PEMANDU TRAK DI KAWASAN  
PERINDUSTRIAN PERAI**

<b>10DLS14F2005</b>	<b>MOHD AFZANIZAM BIN MOHD ZAMRI</b>
<b>10DLS14F2037</b>	<b>NOR FAZLINDA BINTI ABDUL AZIZ</b>
<b>10DLS14F2081</b>	<b>MUZAMMIR BIN DAUD</b>
<b>10DLS14F2083</b>	<b>MUHAMMAD HARIS BIN RESLEE</b>
<b>10DLS14F2091</b>	<b>IMRAN SHAFIQ BIN ABDULLAH GHANI</b>

**LAPORANINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH  
DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

**DISEMBER 2016**

Laporan projek bertajuk "**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI BERLAKUNYA KEMALANGAN DALAM KALANGAN PEMANDU TRAK DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PERAI**" ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan Penulisan Projek seperti yang ditetapkan.

**Disemak oleh :**

Nama Penyelia : Puan Norlia Binti Zakaria  
Tandatangan Penyelia :  
Tarikh :

**Disahkan oleh :**

Nama Penyelaras : Puan Hatizal Binti Amarul Shah  
Tandatangan Penyelia :  
Tarikh :

“Kami akui adalah karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya”

1. Tandatangan :

Nama : Mohd Afzanizam Bin Mohd Zamri  
No. Pendaftaran : 10DLS14F2005  
Tarikh

2. Tandatangan :
- Nama : Imran Shafiq Bin Abdullah Ghani  
No. Pendaftaran : 10DLS14F2091  
Tarikh :
3. Tandatangan :
- Nama : Muzammir Bin Daud  
No. Pendaftaran : 10DLS14F2081  
Tarikh :
4. Tandatangan :
- Nama : Muhammad Haris Bin Reslee  
No. Pendaftaran : 10DLS14F2083  
Tarikh :
5. Tandatangan :
- Nama : Nor Fazlinda Binti Abdul Aziz  
No. Pendaftaran : 10DLS14F2037  
Tarikh :

## PENGHARGAAN

Izinkan kami memulakan perhargaan ini dengan kesyukuran kepada ALLAH S.W.T yang Maha Berkuasa kerana limpah kurnianya kami sekumpulan dapat menyiapkan laporan penyelidikan ini dengan sempurna dan lengkap di mana kami dapat juga menghasilkan serta menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa kami yang banyak memberikan semangat untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehingga kami berjaya menghabiskan tugas ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Politeknik Seberang Perai dan juga kepada pensyarah yang mengajar dan banyak membantu kami dalam menyelesaikan kajian, iaitu Puan Hatizal Binti Amarul Shah yang telah banyak membuka ruang kepada kami untuk menyiapkan tugas ini dengan berjayanya. Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada Puan Norlia Binti Zakaria iaitu penyelia kami yang telah memberikan tunjuk ajar dan pendedahan ketika sesi pembelajaran untuk kajian ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman serta panduan untuk digunakan pada masa hadapan nanti.

Tidak lupa juga ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada pemandu trak, sebagai responden yang banyak memberikan kerjasama kepada kami sewaktu kajian dijalankan. Akhir sekali, terima kasih kepada ahli-ahli kumpulan yang bertungkus lumus dan bekerja sama dalam menyiapkan kertas projek ini dan mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam penyelidikan ini. Sekian, wassalam

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menpengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di kawasan Perindustrian Perai, Pulau Pinang. Disini, pengkaji akan mengkaji tentang objektif kajian sama ada faktor pengetahuan keselamatan, faktor polisi syarikat dan faktor kesihatan yang akan menpengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di kawasan Perindustrian Perai. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumbalas responden mengenai faktor yang menpengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak. Seramai 100 orang responden telah dipilih dengan cara *purposive sampling* secara menyeluruh yang terdiri daripada pemandu trak. Kajian ini menggunakan bahan metodologi dari sumber primer dan sekunder. Bagi memenuhi objektif kajian, borang soal selidik telah diedarkan kepada responden untuk memperolehi maklumat kajian. Hasil dapatan kajian menggunakan sistem SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Hasil daripada dapatan kajian, menunjukkan faktor-faktor yang menpengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak ialah faktor pengetahuan keselamatan, faktor polisi syarikat dan faktor kesihatan. Harapan terhadap kajian ini adalah supaya mana-mana pemandu dapat mempraktikkan pengetahuan keselamatan dengan sepenuhnya. Hal ini kerana, setiap pemandu perlu menggunakan segala ilmu pengetahuan tentang keselamatan dengan sebaik mungkin untuk mengurangkan kemalangan di kalangan pemandu trak.

## ABSTRACT

The purpose of this research was to examine factors that affect substantially the occurrence of accidents among truck drivers in the area of Industrial Perai, Penang. Here, researches will examine whether the objectives of the study safety knowledge factor, the company's policy factor and health factor that will influence the occurrence of accidents among truck drivers. The research was conducted to obtain feedback on the truck drivers respondents. A total of 100 respondents were selected by purposive sampling as a whole consisting of truck drivers. This research uses the methodology of the primary and secondary sources. To meet an objectives of research, questionnaires where distributed to the respondents to obtain information on the research. The findings are processed using SPSS (Statistical Package for Social Science). The results of this research indicates the factor influence the occurrence of accidents among truck drivers is a safety knowledge factor, the company's policy factor and health factor. Expectations of this research is that any driver can practice in full safety knowledge. This is because, each driver must use their knowledge about safety as quickly as possible to reduce accidents among truck drivers.

**SENARAI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Judul/Tajuk</b>	i
	<b>Pengesahan Laporan Kajian</b>	ii
	<b>Pengakuan Pelajar</b>	iii
	<b>Penghargaan</b>	iv
	<b>Abstrak</b>	v
	<i>Abstract</i>	vi
	<b>Senarai Kandungan</b>	vii
	<b>Senarai Rajah/Carta</b>	xi
	<b>Senarai Jadual</b>	xii
	<b>Senarai Lampiran</b>	xiii

<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>1.0 Pendahuluan</b>	<b>1</b>
<b>1.1 Latar Belakang Masalah</b>	<b>2</b>
<b>1.2 Pernyataan Masalah</b>	<b>3</b>
<b>1.3 Objektif Kajian</b>	<b>5</b>
<b>1.4 Persoalan Kajian</b>	<b>5</b>
<b>1.5 Kepentingan Kajian</b>	<b>6</b>
1.5.1 Pemandu Trak	6
1.5.2 Pengguna Jalan Raya	6
1.5.3 Pihak Berkuasa	6
1.5.4 Syarikat Logistik	6
1.5.5 Pengkaji Akan Datang	7
<b>1.6 Skop Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.7 Definisi Operasional</b>	<b>8</b>
1.7.1 Pengetahuan	8
1.7.2 Polisi Syarikat	8
1.7.3 Keselamatan Dan Kesihatan	9
1.7.4 Pemandu Trak	9
<b>1.8 Batasan Kajian</b>	<b>11</b>

<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>12</b>
2.1 Pengenalan	12
2.2 Pengetahuan Keselamatan	13
2.3 Polisi Syarikat	14
2.4 Kesihatan	15
2.5 Rangka Kajian	16
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	<b>17</b>
3.0 Pengenalan	17
3.1 Reka Bentuk Kajian	18
3.2 Teknik Pengumpulan Data	18
3.2.1 Data Primer	19
3.2.2 Data Sekunder	19
3.3 Populasi Dan Persampelan	19
3.4 Instrumen Kajian	21
3.4.1 Borang Soal Selidik	23
3.4.2 BAHAGIAN A	23
3.4.3 BAHAGIAN B	23
3.5 Tatacara Kajian	25
3.6 Pilot Test	26
3.7 Sumber Analisis Data	26
3.7.1 Analisis Kajian	26
3.7.2 Analisis Kekerapan	27
3.7.3 Analisis Min	27
3.8 Kesimpulan	28

**BAB 4 ANALISIS DATA** **29**

<b>4.1 Pendahuluan</b>	<b>29</b>
<b>4.2 Analisis Kebolehpercayaan Data</b>	<b>30</b>
<b>4.3 Dapatan Kajian</b>	<b>31</b>
4.3.1 BAHAGIAN A	31
4.3.2 BAHAGIAN B	36
<b>4.4 Kesimpulan</b>	<b>48</b>

**BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN** **49**

<b>5.1 Pendahuluan</b>	<b>49</b>
<b>5.2 Perbincangan</b>	<b>50</b>
5.2.1 Perbincangan Faktor Pengetahuan Keselamatan	50
5.2.2 Perbincangan Faktor Polisi Syarikat	51
5.2.3 Perbincangan Faktor Kesihatan	52
<b>5.3 Cadangan</b>	<b>53</b>
5.3.1 Pemandu Trak	53
5.3.2 Polisi Syarikat	54
5.3.3 Pengkaji Akan Datang	55
<b>5.4 Kesimpulan</b>	<b>55</b>

**BIBLIOGRAFI/RUJUKAN**

**LAMPIRAN**

**SENARAI RAJAH/ CARTA**

<b>NO. RAJAH/ CARTA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
4.3.1	Jantina	31
4.3.2	Umur	32
4.3.3	Pendapatan	33
4.3.4	Status	34
4.4.5	Kaum	35

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
3.1	Skala Likert	24
4.2.1	Jadual Analisis Kebolehpercayaan Data	30
4.3.1	Skala Min Skor	36
4.3.2	Hasil Dapatan Analisa Ke Atas Faktor Keselamatan	37
4.3.3	Hasil Dapatan Analisa Ke Atas Faktor Polisi Syarikat	41
4.3.4	Hasil Dapatan Analisa Ke Atas Faktor Kesihatan	45

## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

### TAJUK

**A** Borang Soal Selidik

**B**

- Statistik “*Pilot Test*”
- Risalah

**C** Carta Ganti Aktiviti Harian

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Pada era globalisasi kini bidang pengangkutan memainkan peranan penting dalam menyelaras segala program pembangunan sesebuah negara. Sektor pengangkutan bukan sahaja merupakan penawaran perkhidmatan yang produktif dan berpotensi, tetapi juga merupakan penawaran kemudahan mod pergerakan umum dalam pelbagai jenis dan bentuk bersesuaian dengan kehendak kemajuan masyarakat. Malah dewasa ini pengangkutan merupakan keperluan dalam kemudahan pergerakan manusia dan barang yang perlu dimiliki dan menjadi asas utama dalam kehidupan seharian. Namun demikian dengan peningkatan dan perkembangan yang pesat dalam sektor pengangkutan telah menimbulkan masalah dan isu tentang keselamatan jalan raya pada muktahir ini dengan meningkatnya jumlah kemalangan jalan raya. Kejadian kemalangan jalan raya merupakan salah satu masalah utama negara ketika ini yang melibatkan pelbagai aspek sosio-ekonomi. Pekerja sihat merupakan aset yang paling utama dalam sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, usaha sewajarnya perlu dijalankan supaya tahap keselamatan dan kesihatan setiap pekerja dapat dikekalkan dan ditingkatkan.

## **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Latar belakang kajian yang dijalankan ialah berdasarkan kepada faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai.

Kepesatan perkembangan bidang pengangkutan di Malaysia adalah hasil daripada pertumbuhan dan pembangunan sosio-ekonomi yang berterusan. Pembangunan rangkaian pengangkutan jalan raya merupakan salah satu faktor penting dalam menyediakan infrastruktur yang diperlukan untuk kepentingan program pembangunan ekonomi negara. Namun demikian dengan peningkatan dan perkembangan yang pesat dalam sektor pengangkutan telah menimbulkan masalah dan isu tentang keselamatan jalan raya pada muktahir ini dengan meningkatnya jumlah kemalangan jalan raya. Kejadian kemalangan jalan raya merupakan salah satu masalah utama negara ketika ini yang melibatkan pelbagai aspek sosio-ekonomi. Kehilangan nyawa manusia di kalangan pengguna jalan raya merupakan kehilangan yang besar dalam perolehan sumber tenaga manusia di samping kerosakan harta benda.

Kajian yang dijalankan ini untuk memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai. Faktor yang di kaji ialah faktor pengetahuan, polisi syarikat, dan kesihatan. Kajian ini adalah untuk membuktikan bahawa adakah faktor ini salah satu punca kemalangan dalam kalangan pemandu trak.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Dalam industri logistik pemandu-pemandu lori perlu di titik beratkan tentang kesedaran keselamatan ketika memandu. Tidak dapat dinafikan bahawa kemalangan ini merupakan suatu perkara yang tidak dapat dijangka serta dikawal, namun ia bukanlah alasan kepada majikan syarikat logistik untuk mengabaikan dan tidak mempedulikan segala aspek yang menyebabkan berlakunya kemalangan pemandu lori.

Penyelidik telah mengkaji faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai adalah apabila menyedari banyak komen pengguna jalan raya terhadap kemalangan melibatkan pemandu lori.

Gopeng , 25 Januari 2017 Sinar Online – Pada tarikh tersebut seorang pemandu lori maut dalam kemalangan melibatkan tiga kenderaan. Pemandu tersebut Khairul Nazuan Marzuki, 28, yang memandu lori membawa kontena maut di lokasi. Tiga kenderaan iaitu treler, lori tunda dan lori kontena telah terlibat dalam kemalangan di kawasan tersebut.

© Utusan Melayu (M) Bhd, 28 Februari 2016 – Akhbar tersebut memberitahu bahawa sikap pemandu lori kini ibarat barah yang amat sukar untuk kita buang atau hilangkan seratus peratus. Hari ini buat operasi, esok atau lusa muncul semula dengan deretan lori lebih muatan, pandu laju, kenderaan kurang selenggara, pemandu mengambil dadah, pemandu letih dan kurang mahir.

Komen yang diutarakan oleh Noor Mohamad Shakil Hamee , PENULIS ialah Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Putra Malaysia-. Penulis mengongsi berasa sedih, pilu, geram dan marah apabila membaca laporan berita terbaru yang mengorbankan lapan nyawa dalam tiga kejadian kemalangan berasingan. Lebih menyayat hati apabila kemalangan tersebut turut meragut nyawa dua kanak-kanak yang tidak berdosa yang masing-masing baru berusia dua dan empat tahun, ia juga melibatkan dua pelajar tingkatan empat yang maut dirempuh lori tangki di Batu 12, Jalan Kapar, Klang pada 8 April lalu. Kejadian lain yang turut menyebabkan dua wanita terkorban apabila mereka dilanggar oleh sebuah lori yang

terbabas. Ironinya persamaan kemalangan maut tersebut ialah pertama ia melibatkan lori dan kedua, pemandu ketiga-tiga lori tersebut pula hanya mengalami kecederaan ringan. Itulah yang membuatkan kita berasa cukup geram dan marah. Kesemua kemalangan maut ini memperlihatkan betapa bahayanya kemalangan yang melibatkan lori.

Alor Star, 29 Mei (Bernama) Dalam kejadian ini lapan orang terbunuh apabila sebuah treler merempuh kenderaan yang sedang berbaris untuk membayar tol di plaza tol Hutan Kampung, Lebuh Raya Utara-Selatan dekat sini hari ini. Mereka yang terbunuh berumur antara 4 dan 54 tahun termasuk tiga kanak-kanak dari satu keluarga . Kejadian itu berlaku di kilometer 41.3 lebuh raya itu arah ke utara ketika kenderaan sedang berbaris untuk membayar tol apabila tiba-tiba dirempuh sebuah treler membawa kontena kira-kira pukul 4 petang.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.3.1 Mengenalpasti samada faktor pengetahuan keselamatan mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di kawasan perindustrian perai.
- 1.3.2 Mengenalpasti samada faktor polisi syarikat mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di kawasan perindustrian perai.
- 1.3.3 Mengenalpasti samada faktor kesihatan mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di kawasan perindustrian perai.

### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.4.1 Adakah faktor pengetahuan keselamatan mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di kawasan perindustrian perai?
- 1.4.2 Adakah faktor polisi syarikat mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di kawasan perindustrian perai?
- 1.4.3 Adakah faktor kesihatan mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di kawasan perindustrian perai?

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

### **1.5.1 Pemandu trak**

Kajian ini dilakukan bagi memudahkan dan memberi kesedaran kepada pemandu lori supaya lebih berhati-hati dan lebih mengambil peka terhadap keselamatan ketika dijalan raya.

### **1.5.2 Pengguna jalan raya**

Kajian ini dijalankan untuk membolehkan pengguna jalan raya yang lain lebih mengutamakan keselamatan terutamanya ketika berada di atas jalan raya bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

### **1.5.3 Pihak berkuasa**

Kajian yang dilakukan ini berguna kepada pihak berkuasa bagi mempertingkatkan kawalan dan kesedaran di jalan raya serta mengurangkan kadar berlakunya kemalangan di jalan raya.

### **1.5.4 Syarikat logistik**

Kajian ini sedikit sebanyak membantu kepada syarikat logistik supaya lebih peka terhadap keselamatan bagi mengurangkan kemalangan terutamanya pemandu lori syarikat logistik masing-masing.

### **1.5.5 Pengkaji akan datang**

Kajian ini berguna kepada bakal pengkaji kerana mereka dapat memperoleh maklumat sekiranya mereka membuat kajian yang sana. Maklumat ini dapat memudahkan kajian mereka kerana ia dapat diadaptasi dari kajian ini.

### **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di sekitar Kawasan Perindustrian perai. Kajian ini melibatkan 100 orang sebagai responden terdiri daripada pemandu trak di sekitar Kawasan Perindustrian Perai. Responden juga mestilah dalam kalangan pemandu trak di kawasan perindustrian Perai yang bekerja di sekitar Kawasan Perindustrian Perai dapat menilai dengan tepat dan memberikan maklumat atas faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan.

Tujuan kajian ini ialah untuk menilai adakah faktor pengetahuan keselamatan mempengaruhi dalam faktor berlakunya kemalangan. Pengkaji juga dapat mengetahui polisi syarikat yang di tunjukkan oleh syarikat logistik. Tujuan kajian ini juga untuk menilai tahap kesihatan pemandu trak yang membolehkan syarikat logistik membenarkan pemandu trak tersebut memandu di jalan raya terutama di kawasan Perindustrian Perai. Skop kajian ini dilakukan dengan lancar kerana persekitaran yang tidak asing lagi bagi pengkaji untuk menjalankan kajian di sekitar kawasan Perindustrian Perai untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan.

## **1.7 DEFINISI OPERASIONAL**

### **1.7.1 PENGETAHUAN**

Pengetahuan adalah hasil penginderaan manusia, atau hasil tahu seseorang terhadap objek melalui indera yang dimilikinya (mata, hidung, telinga, dan sebagainya) (Notoatmodjo,2005). Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (2003) pengetahuan adalah segala sesuatu yang diketahui berkenaan dengan hal. Pengetahuan atau kognitif merupakan domain yang sangat penting untuk terbentuknya tindakan seseorang (over behaviour). Pengetahuan seseorang tentang suatu objek mengandungi dua aspek iaitu aspek positif dan aspek negatif. Kedua aspek ini yang akan menentukan sikap seseorang. semakin banyak aspek positif dan yang diketahui, maka akan menimbulkan sikap makin positif terhadap objek tertentu

### **1.7.2 POLISI SYARIKAT**

Secara umum, polisi dan sistem pengurusan kerja bermaksud setiap keputusan yang telah dibincangkan dan dipersetujui bersama dalam suatu kumpulan kerja tidak boleh bercanggah dengan dasar atau pernyataan bertulis yang telah ditetapkan dalam suatu organisasi dan setiap kerja yang dilakukan hendaklah mengikut aliran kerja yang telah ditetapkan agar pekerjaan tersebut lebih tersusun dan bersistematik. Sebagai contoh, didalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Kerajaan Malaysia telah mempunyai suatu polisi dan sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan pengurusan aset kerajaan di setiap agensi dibawahnya melalui arahan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi pihak kerajaan

### **1.7.3 KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

Mukhtar, Maswan (2001) tahap pengetahuan tentang keselamatan pekerjaan. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan penting dalam memupuk sikap prihatin terhadap keselamatan pekerjaan mewujudkan organisasi dan langkah-langkah keselamatanyang berkesan melalui skim-skim pengaturan diri yang disesuaikan dengan industri yang berkaitan. Menurut teori WHO (World Health Organization) yang dikutip oleh Notoatmodjo (2007) salah satu bentuk objek kesihatan dapat dikhabarkan oleh pengetahuan yang diperoleh dari pengalaman sendiri

### **1.7.4 PEMANDU TRAK**

Pada dasarnya terdapat lima isu utama iaitu kecekapan keseluruhan pemain dalam rantaian industri, infrastruktur tidak seimbang di pelabuhan utama, kekurangan pemandu yang amat kritikal, pengagihan subsidi diesel dan pembukaan dagangan antara negara-negara ASEAN (AFTA).

Pergantungan rapat antara setiap unit dalam rantaian merupakan satu kemestian. Sebagai contoh bagi memastikan penghantaran sebuah kontena itu dapat dijalankan dengan sempurna, setiap pemain seperti pengusaha lori kontena, pengusaha depot, pelabuhan, wakil penghantaran freight, wakil perkапalan, kastam, pengilang dan pelbagai agensi kerajaan harus memainkan peranan masing-masing dengan berkesan.

Sebarang kecacatan yang timbul di dalam salah satu rantaian ini akan mengakibatkan kelewatan penghantaran kontena-kontena kepada pelanggan, sekali gus mengakibatkan peningkatan kos seperti caj kelewatan, penggunaan lebih bahan bakar dan pembaziran tenaga kerja.

Bagi infrastruktur, sebagai contoh jalan utama ke Pelabuhan Klang tidak dapat menampung pertumbuhan kenderaan berat seterusnya mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang agak kritikal dan menyebabkan kelewatan penerimaan kontena.

Pada masa ini seolah-olah seperti tiada cadangan jangka masa panjang pihak berkuasa untuk menyelesaikannya.

Pihak persatuan telah beberapa kali mengemukakan cadangan agar jalan ini diperbesarkan sekurang-kurang kepada tiga lorong bagi menampung pertambahan jumlah kenderaan tetapi malangnya masih tidak diatasi dengan sebaik mungkin.

Mengenai kekurangan tenaga pemandu, boleh dikatakan agak kritikal iaitu dianggarkan setiap ahli kami tidak dapat menjalankan antara 10 dan 20 peratus aset mereka kerana masalah ini. Ia berpunca daripada penambahan pengusaha tetapi pada masa sama jumlah kemasukan pemandu tidak bertambah, malah semakin berkurangan. Kuota subsidi diesel pula kurang mencukupi dan sentiasa kehabisan menjelang hujung bulan. Manakala mengenai AFTA, masih terdapat ramai pengusaha lori-lori belum bersedia dan tidak mengikuti perkembangan terbaru mengenainya menyebabkan ramai daripada mereka masih tidak melaksanakan perancangan bagi menghadapi pasaran terbuka itu.

## **1.8 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini hanya akan meneliti faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai. Antara halangan yang dihadapi ialah sukar untuk mendapatkan kerjasama pemandu trak dalam menjawab soalan yang dikemukakan. Selain itu, sukar mendapatkan data primer. Kesukaran dalam mencari responden yang sesuai terhadap kajian juga merupakan halangan untuk kami kerana kajian ini terhad di sekitar Kawasan Perindustrian Perai. Kerjasama dalam kumpulan juga merupakan antara halangan yang kami hadapi untuk menjalankan kajian ini. Masa yang diluangkan oleh ahli kumpulan juga merupakan masalah yang kami hadapi.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Penyelidik menjalankan kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai. Terdapat beberapa faktor yang diambil kira dalam pemilihan ini. Antara faktor yang dikenalpasti ialah faktor pengetahuan, faktor polisi syarikat dan faktor kesihatan. Faktor ini sangat penting untuk dikaji kerana ia berkait rapat dengan pemandu trak dan juga syarikat Pengangkutan Logistik itu sendiri. Faktor ini merupakan tiga faktor utama yang mempengaruhi pengguna jalan raya terutamanya pemandu trak bagi mengurangkan kadar berlakunya kemalangan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti samada faktor-faktor mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak.

## **2.2 Pengetahuan Keselamatan**

Mukhtar, Maswan (2001) tahap pengetahuan tentang keselamatan pekerjaan. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan penting dalam memupuk sikap prihatin terhadap keselamatan pekerjaan mewujudkan organisasi dan langkah-langkah keselamatanyang berkesan melalui skim-skim pengaturan diri yang disesuaikan dengan industri yang berkaitan.

Pengetahuan adalah hasil penginderaan manusia, atau hasil tahu seseorang terhadap objek melalui indera yang dimilikinya (mata, hidung, telinga, dan sebagainya) (Notoatmodjo,2005, p :50). Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (2003) pengetahuan adalah segala sesuatu yang diketahui berkenaan dengan hal. Pengetahuan atau kognitif merupakan domain yang sangat penting untuk terbentuknya tindakan seseorang (over behaviour). Pengetahuan seseorang tentang suatu objek mengandungi dua aspek iaitu aspek positif dan aspek negatif. Kedua aspek ini yang akan menentukan sikap seseorang. semakin banyak aspek positif dan yang diketahui, maka akan menimbulkan sikap makin positif terhadap objek tertentu. Menurut teori WHO (World Health Organization) yang dikutip oleh Notoatmodjo (2007) salah satu bentuk objek kesihatan dapat dikhabarkan oleh pengetahuan yang diperoleh dari pengalaman sendiri

Dalam erti lain, pengetahuan adalah pelbagai gejala yang ditemui diperoleh melalui akal pengamatan. Pengetahuan muncul ketika seseorang menggunakan kecerdasan untuk mengenali objek atau peristiwa tertentu yang tidak pernah melihat atau rasakan sebelumnya. Misalnya ketika seseorang yang akrab rasa masakan baru, ia akan mendapatkan pengetahuan tentang bentuk, rasa, dan aroma makanan. Menurut Onny S. Prijono, Pengetahuan yang diperoleh dari nilai membiasakan orang-orang ini mengembangkan rasa ingin tahu.

Definisi Pengetahuan, Jenis, Hakikat dan Sumber Pengetahuan Asal Kata (etimologi) pengetahuan iaitu knowledge (dari bahasa Inggris). Menurut Encyclopedia of

psychology pengetahuan adalah kepercayaan yang benar (knowledge is justified true belief). Secara terminologi pengetahuan adalah hasil proses dari usaha manusia untuk tahu. Pengertian Pengetahuan secara umum iaitu pengetahuan hanya merupakan pengalaman Menurut John Dewey pengetahuan tidak boleh dipisahkan dari kebenaran. Pengetahuan itu harus benar, kalau tidak benar adalah kontrak.

### **2.3 Polisi Syarikat**

Menurut Kamus Dewan, “polisi” bermaksud suatu perancangan yang telah dipersetujui secara rasmi sebagai asas untuk melaksanakan sesuatu dasar atau keputusan. Secara umum, polisi setiap keputusan yang telah dibincangkan dan dipersetujui bersama dalam suatu kumpulan kerja tidak boleh bercanggah dengan dasar atau pernyataan bertulis yang telah ditetapkan dalam suatu organisasi dan setiap kerja yang dilakukan hendaklah mengikut aliran kerja yang telah ditetapkan agar pekerjaan tersebut lebih tersusun dan bersistematik.

Sebagai contoh, didalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Kerajaan Malaysia telah mempunyai suatu polisi dan sistem pengurusan kerja yang berkaitan dengan pengurusan aset kerajaan di setiap agensi dibawahnya melalui arahan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi pihak kerajaan. Antara kandungan yang terkandung didalam pekeliling tersebut ada menyatakan tentang elemen-elemen keselamatan terhadap setiap penggunaan aset kerajaan agar diurus dengan baik dan dalam keadaan yang selamat digunakan bagi mengelakkan kemalangan berlakut

## **2.4 Kesihatan**


Menurut kamus Cambridge Advance Learner's Dictionary, perkataan keselamatan ditakrifkan sebagai sesuatu keadaan atau tempat yang selamat atau bebas dari bahaya dan risiko. Istilah kesihatan pula ialah keadaan badan yang bebas dari sakit atau penyakit; keadaan yang baik. Laney (1982) pula menakrifkan amalan dan kesihatan pekerjaan sebagai satu kumpulan perkataan yang merangkumi segala aspek keselamatan dan kesihatan dalam jangka masa yang pendek dan panjang.

Terdapat kewajipan undang-undang yang menghendaki pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja seperti Akta 514, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 oleh Kerajaan Malaysia dan juga peraturan yang bertujuan mengekalkan tahap keselamatan disamping meningkatkan tahap kesihatan. Terdapat juga badan berkuasa lain yang mempunyai kuasa untuk memantau, membangunkan kod amalan dan menguatkuasakan undang-undang keselamatan dan kesihatan.

Tahap keselamatan di tempat kerja perlu dipertingkatkan dengan membudayakan amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja bagi menghargai keselamatan dan kesihatan orang lain (Ahmad Zainoreen, 2006).

Pada tahun 1994, pihak kerajaan Malaysia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia telah mewartakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) yang secara automotik terpakai bagi semua industri kecuali Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah dan Sarawak serta angkatan tentera (Ismail Bahari, 2006)

## 2.5 Rangka Kajian



## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.0 PENGENALAN

Metodologi merupakan salah satu elemen penting dalam memastikan keputusan yang diperolehi daripada kajian adalah tepat dan boleh dipercayai. Bab ini akan merangkumi pelbagai aspek seperti cara-cara untuk mendapatkan data secara sistematik dan teratur. Bagi menghasilkan satu kajian yang bermutu dan terbaik, maklumat dan fakta yang dikaji mestilah lengkap, tepat dan berkesan bagi membuktikan atau menunjukkan bahawa kajian tersebut mempunya kredibiliti tersendiri yang tinggi dan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan akan datang. Pada akhir kajian ini, hasil yang diperolehi akan dapat memberi sumbangan mengenai kajian faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai.

Fakta-fakta dan maklumat mengenai kajian yang dijalankan perlulah diperoleh dengan lengkap dan spesifik agar kajian terhadap faktor yang mempengaruhi kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan pemandu trak dalam industri logistik.

Secara kesimpulannya , metodologi adalah cara yang digunakan untuk memperoleh kebenaran menggunakan pencarian dengan tatacara tertentu dalam menemukan kesimpulan atau keputusan serta mendapatkan hasil yang baik dan menyokong kajian ini

### **3.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian adalah perkara utama yang perlu pengkaji ambil perhatian sebelum sesuatu kajian itu dijalankan untuk menentukan metodologi. Setiap pengkaji menggunakan reka bentuk kajian sebagai satu garis panduan mengenai bagaimana sesuatu kajian itu bermulalah sehingga keputusan diperolehi.

Kajian yang sedang kami laksanakan adalah kuantitatif. Maklum balas yang diterima yang akan diterima melalui borang kaji selidik untuk mendapatkan sedikit maklumat mengenai kajian terhadap faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai.

Selain itu, anggaran jangka masa yang diambil untuk mendapatkan maklum balas adalah singkat. Pengkaji membentuk soalan yang jelas dan tidak mengelirukan serta ringkas dan mudah difahami oleh semua responden ketika soalan itu dibentuk. Dengan ini pihak responden perlu memahami semua soalan secara keseluruhan dan responden berupaya untuk menjawab soalan-soalan tersebut.

### **3.2 TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

Bagi memastikan penyelidikan berjalan dengan lancar, beberapa kaedah digunakan dalam mengumpulkan data. Data yang dikumpulkan terbahagi kepada dua jenis iaitu data primer dan data sekunder. Pengkaji telah menggunakan kaedah data primer melalui borang soal selidik kepada 100 orang responden di sekitar kawasan perindustrian Perai. Data primer adalah maklumat yang diperolehi daripada tinjauan untuk sesuatu bahan yang berkaitan dengan objektif kajian dengan mengumpulkan maklumat daripada sejumlah responden yang telah dipilih dan kemudiannya, merumuskan jawapan-jawapan yang diterima.

### **3.2.1 Data Primer**

Data primer adalah data utama atau data mentah yang digunakan oleh pengkaji dan data ini diperoleh, dikumpul dan direkodkan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Soal selidik yang dibina terdiri daripada beberapa bahagian soalan yang dikemukakan kepada responden berdasarkan objektif kajian. Pengkaji juga mendapatkan maklumat melalui temu bual dengan pemandu trak mengenai faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai.

### **3.2.2 Data Sekunder**

Data sekunder adalah data tambahan atau data yang sedia ada yang diperoleh melalui sumber bertulis yang biasanya boleh dirujuk melalui artikel dalam majalah, surat khabar , jurnal, buku dan lain-lain. Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan data sekunder melalui buku dan surat khabar tempatan seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, Harian Metro yang terdapat di perpustakaan. Selain itu, pengkaji juga banyak mendapatkan maklumat melalui media elektronik seperti internet.

## **3.3 POPULASI DAN PERSAMPELAN**

Populasi dan persampelan merupakan elemen-elemen penting dalam menjalankan penyelidikan mahupun kajian. Ianya merupakan unit analisis ruang membawa kepada keputusan kajian yang dijalankan.

### **3.3.1 Populasi**

Populasi merupakan satu kelompok individu yang dikaji. Semua yang berada di dalam kelompok ini dikenali sebagai populasi. Sekiranya populasi terlalu besar, pemilihan sampel digalakkan dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Ini kerana pengkaji mempunyai kekangan dari segi masa, kos dan pengangkutan yang perlu ditanggung. Populasi dalam kajian ini merangkumi pemandu trak faktor yang mempengaruhi berlakunya kemalangan dalam kalangan pemandu trak di Kawasan Perindustrian Perai.

Menurut Arikunto (2006), populasi adalah keseluruhan subjek penelitian. Apabila seseorang ingin meneliti semua elemen yang ada dalam wilayah penelitian, maka penelitiannya merupakan penelitian populasi. Pengertian lainnya diungkapkan oleh Nawawi (Margono,2004) yang menyebut populasi adalah keseluruhan objek penelitian daripada manusia, benda-benda, haiwan, tumbuh-tumbuhan, gejala-gejala, nilai, atau peristiwa-peristiwa sebagai sumber data yang memiliki ciri-ciri tertentu dalam sesuatu penelitian. Jika populasi terlalu besar, kajian yang dilakukan perlulah digalakkan menggunakan pemilihan melalui sampel. Hal demikian kerana bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran masa, perbelanjaan dan tenaga yang akan ditanggung kelak. Di dalam kajian ini, populasi adalah kepada pemandu trak faktor yang mempengaruhi kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan pemandu trak dalam industri logistik.